

26 JUL 2000

Asean-Syed Hamid/I

MALAYSIA AKAN SEDIA KERTAS KERJA MENGENAI KESIHATAN

Oleh: R. Ravichandran

BANGKOK, 26 Julai (Bernama) -- Malaysia telah mencadangkan untuk menyediakan kertas konsep mengenai kerjasama dalam bidang kesihatan di kalangan negara-negara Asean dan Asia Timur, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Malaysia membuat cadangan itu pada mesyuarat pertama Asean+3 yang dihadiri oleh Menteri-menteri Luar Asean iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam dan tiga negara Asia Timur yang terdiri dari China, Jepun dan Korea Selatan di sini hari ini.

Syed Hamid berkata Malaysia secara sukarela bersetuju menyediakan kertas itu kerana ia mempunyai pengalaman dan lantang dalam menyuarakan isu-isu kesihatan seperti HIV/Aids.

Apabila siap, ia akan dikemukakan kepada negara-negara terbabit.

"Jadi mesyuarat ini sangat berjaya... banyak isu-isu substantif dan tidak hanya retorik," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu malam ini.

Syed Hamid juga berkata melalui kerjasama Asia Timur, Malaysia dan Jepun terbabit dalam menyediakan latihan untuk para pegawai Myanmar dengan Malaysia menyediakan kemudahan latihan.

Syed Hamid berkata mesyuarat hari ini membincangkan pelbagai isu seperti kerjasama ekonomi, pembangunan sumber manusia, teknologi maklumat, kesihatan, pertanian dan latihan.

Syed Hamid berkata dalam konteks Kerjasama Asia Timur, banyak projek-projek yang sedang berjalan dan yang sudah diperakui akan dilaksanakan, merupakan kejayaan bagi Malaysia kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah lama mencadangkan idea itu.

"Saya rasa Malaysia berbangga kerana kita sejak dari mula berkata bahawa bagi menjadikan Kerjasama Asia Timur berpengaruh, kita mesti memainkan peranan di peringkat serantau dan antarabangsa."

"Dan kini ia sudah berjaya, katanya." katanya.

Syed Hamid berkata Menteri-Menteri Laur juga bersetuju meningkatkan kerjasam dan menyokong pembangunan projek di Lembah Mekong bagi mengurangkan perbezaan di kalangan negara Asean.

-- BERNAMA

RV LAT